

PKNP pacu pembangunan Pahang

Perbadanan turut tangani ketidakseimbangan ekonomi di kalangan penduduk

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bharian.com.my

PELANCARAN Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) ternyata memberi impak besar kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dalam usaha memacu kepesatan pembangunan negeri termasuk menangani ketidakseimbangan ekonomi di kalangan penduduk.

PKNP yang ditubuhkan pada 27 Disember 1965 bertanggungjawab bagi meningkat, mendorong, memberi kemudahan serta menjalankan usaha pembangunan ekonomi dan sosial negeri terutama di kawasan luar bandar.

Peranan dan aktiviti utama PKNP tertumpu kepada sektor seperti pembangunan industri, hartanah, pusat pertumbuhan baru dan bandar baru, pelaburan serta pembangunan usahawan Bumiputera.

Melalui Laporan Sektor Perindustrian Pahang sehingga Julai lalu, ekonomi negeri berkembang pada kadar 5.9 peratus, meningkat 0.2 peratus berbanding 5.7 peratus tahun lalu dengan pertumbuhan didorong kepesatan yang dicatatkan sektor perkhidmatan, pertanian dan perkilangan.

Malah sehingga Julai tahun ini, bilangan projek yang mendapat kelulusan lesen pengilang oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah sebanyak 17 projek dengan jum-



PERUMAHAN Bandar Putra yang dimajukan anak syarikat PKNP, Pasdec Holdings Berhad di Tanjung Lumpur, Kuantan.



INFO

PKNP

- Ditubuhkan pada 27 Disember 1965 bertanggungjawab bagi meningkat, mendorong, memberi kemudahan serta menjalankan usaha pembangunan ekonomi dan sosial negeri terutama